



INFO DIAGNOSTIK

EDISI 04/2026



Mengenali & Mengawal Nematod Puru Akar (*Meloidogyne* spp.)

Morfologi (Ciri Fizikal)

Betina Dewasa (Bentuk Buah Pir)



Mempunyai badan bulat berwarna putih susu dengan stilet yang kuat, berukuran panjang antara 0.4 hingga 1.3 mm.

Fungsi Stilet mencucuk dinding sel tumbuhan, menyedut nutrien dan merembes enzim pencernaan

Jantan Dewasa (Bentuk Cacing)



Berbentuk *vermiform* (seperti cacing), lebih ramping berbanding betina dengan panjang antara 1 hingga 2 mm.

SIMPTOM KEROSAKAN PADA TANAMAN

SIMPTOM PADA DAUN




Daun menguning (klorosis), daun menjadi kecil dan pucat serta pengurangan hasil bunga dan buah. Pertumbuhan terbantut



LAYU WALAUPUN CUKUP AIR
Pokok menunjukkan layu yang ketara walaupun keadaan kelembapan tanah adalah mencukupi

Simptom Bahagian Atas Akar (Galls)




Akar mengalami bengkak atau puru yang nyata, menjadi cacat, bercabang tidak normal, dan kehilangan serabut akar.

Risiko Jangkitan Sekunder

Akar yang rosak akibat nematod menjadi mudah reput kerana terdedah kepada jangkitan sekunder oleh kulat atau bakteria.

Strategi Kawalan (IPM)

PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU (IPM): PENDEKATAN YANG PALING BERKESAN KERANA NEMATOD ADALAH PEROSAK YANG SANGAT SUKAR DIHAPUSKAN SEPENUHNYA.



Pengiliran Tanaman (Crop Rotation)

Menggilirkan tanaman dengan spesies yang bukan perumah untuk memutus kitaran hidup nematod.



Sanitasi Ladang

Membersihkan sisa tanaman yang dijangkiti untuk mencegah penyebaran nematod ke kawasan baru.



Penggunaan Bahan Organik

Memperkayakan tanah dengan bahan organik bagi meningkatkan kesihatan tanah dan mengurangkan populasi nematod.

Hubungi Kami:

Seksyen Diagnostik Dan Kepakaran Perosak Tumbuhan
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan,
Jabatan Pertanian Kuala Lumpur

Unit Rumpai, Nematod, Vetebrata dan Moluska :



rnmv@doa.gov.my



03-20301400